

No. Sebut harga : **JKNPP/01/2026**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Paras 23, KOMTAR,
10990 Georgetown,
Pulau Pinang.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	ISUZU TROPER (4X4) TAHUN DIBELI : 1992	PCF 2020	1	RM1,500.00
2.	KERETA NAZA RIA SE 2.5 V6 AUTO TAHUN DIBELI : 2008	PHS 8560	1	RM1,500.00

2. *Aset boleh dilihat pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 27/8/2026 (Khamis)
Masa : **9.00 pagi hingga 11.00 pagi**
Tempat : Tapak Pesta Sungai Nibong
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Jalan Sultan Azlan Shah
11700 Bayan Lepas
Pulau Pinang

*Kehadiran adalah tidak wajib tetapi digalakkan untuk melihat keadaan terkini aset.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh diperolehi melalui **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang @sysP**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari**.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JKNPP/01/2026** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Paras 18, KOMTAR,
10990 Georgetown,
Pulau Pinang.

5. Tarikh tutup sebut harga pada **02 September 2026** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

.....t.t.....
(MAS AYU SITI ASMAH HANI BINTI ZAINUL ABIDIN)
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (P/H)

Alamat: Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Paras 18, KOMTAR,
10990 Georgetown,
Pulau Pinang.

Tarikh: 19 Ogos 2026

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5% daripada harga tawaran** bagi setiap aset atau **RM5,000 mengikut mana yang terendah**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Bendahari Negeri Pulau Pinang**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga **tidak akan dipertimbangkan**.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga **tidak akan dikembalikan**.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **tujuh (7) hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan** dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Sebut harga ini terbuka kepada pemilik syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** kod bidang **221902 – Perkhidmatan Barang Lusuhan (Membeli Barang Lusuhan Perlu Permit PDRM)**.
10. Pemilihan pembida berjaya adalah berdasarkan harga **tawaran yang tertinggi**.